



Iman, Keluarga, Pertolongan

Kebahagiaan dalam Sejarah Keluarga

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Elder Russell M. Nelson dari Kuorum Dua Belas Rasul sudah ajar bahawa Roh Elisa ialah “satu pernyataan Roh Kudus memberi kesaksian tentang sifat ketuhanan keluarga.”¹

Sebagai ahli-ahli Gereja Kristus yang sudah dipulihkan, kita mempunyai tanggungjawab perjanjian untuk mencarikan leluhur kita dan melaksanakan tatacara-tatacara penyelamatan injil untuk mereka. Tanpa kita, mereka tidak “akan menjadi sempurna” (Ibrani 11:40), dan “tidak juga dapatlah kita tanpa orang mati kita dijadikan sempurna” (A&P 128:15).

Kerja sejarah keluarga menyediakan kita demi berkat-berkat hidup abadi dan menolong kita untuk meningkatkan iman dan kesolehan peribadi kita. Sejarah keluarga ialah satu bahagian yang penting misi Gereja dan membolehkan kerja penyelamatan dan kemuliaan untuk semua orang.

Presiden Boyd K. Packer, Presiden Kuorum Dua Belas Rasul, berkata: “Bila kita menyelidik sejarah

keluarga kita, kita tidak hanya menjadi berminat dalam nama-nama sahaja. . . . Minat kita memalingkan hati kita kepada leluhur kita—kita ingin carikan mereka dan mengetahuinya mereka dan melayani mereka.”²

Dari Tulisan Suci

Maleakhi 4:5–6; 1 Korintus 15:29; A&P 124:28–36; 128:15

Dari Sejarah Kita

Nabi Joseph Smith mengajar, “Tanggungjawab yang terbesar pada bumi ini yang sudah Tuhan berikan anda adalah untuk mencarikan ahli-ahli keluarga kita yang sudah meninggal dunia.”³ Kita boleh melayan sebagai wakilan dalam bait suci untuk leluhur kita yang sudah mati dan melaksanakan tatacara-tatacara yang diperlukan untuk mereka.

Selepas anaknya yang berusia 14 tahun meninggal dunia, Sally Randall dari Nauvoo, Illinois, memperoleh kesenangan hati dari janji tentang keluarga abadi. Selepas suaminya dibaptis untuk pihak

anak mereka, Sally menulis kepada saudara-saudarinya: “Betapa mulia kita . . . boleh dibaptis untuk pihak [leluhur] kita yang sudah mati dan menyelamatkan mereka sejauh yang dapat kita carikan mereka.” Kemudian dia menanya saudara-saudarinya mengirimi informasi tentang leluhur mereka kepada dia, dan dia kata, “Saya berniat untuk melakukan sedaya upaya saya untuk menyelamatkan [keluarga kita].”⁴

NOTA

1. Russell M. Nelson, “A New Harvest Time,” *Liahona*, Julai 1998, 34.
2. Boyd K. Packer, “Your Family History: Getting Started,” *Liahona*, Nov. 2011, 17.
3. *Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* (2007), 475.
4. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 20–21.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Bagaimana saya boleh menolong para saudari yang saya jaga untuk melakukan sejarah keluarga?
2. Adakah saya mencatatkan sejarah peribadi saya?

Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam
Presidensi Utama



Berjalan dalam Bulatan

Pernahkah anda dengar satu pepatah bahawa orang yang sesat bercenderung untuk berjalan dalam bulatan?

Jan L. Souman, seorang pakar psikologi Jerman, ingin membuat keputusan secara saintifik sama ada itu adalah benar atau tidak. Dia hantarkan para peserta eksperimen itu ke satu kawasan hutan yang besar di gurun Sahara dan gunakan GPS untuk menjejaki mereka. Para peserta itu tidak mempunyai kompas atau alatan lain. Arahan mereka mudah sahaja: berjalan terus ke arah yang sudah ditunjukkan.

Dr. Souman kemudian menghuraikan apa yang berlaku. “[Ada di antara] mereka berjalan pada hari yang mendung, bila matahari bersembunyi dalam awan [dan tanpa titik rujukan]. . . [Mereka] semua berjalan dalam bulatan, dan [beberapa] di antara mereka mengulangkan jalan yang sama tanpa pengetahuan.” Ada peserta lain yang berjalan pada hari yang cerah, dengan titik rujukan pada jarak yang jauh dalam pandangan mereka. “Para peserta ini . . . mengikut satu jalan terus yang hampir sempurna.”¹

Pengajian ini sudah diulang oleh orang lain dengan cara yang berbeza.² Semua mendapati kesimpulan yang sama.

Tanpa tanda tempat, manusia bercenderung untuk berjalan dalam bulatan.

Tanda Tempat Kitab-kitab Suci

Tanpa tanda tempat rohani, manusia merantau juga. Tanpa firman Tuhan, kita berjalan dalam bulatan.

Sebagai individu dan sebagai masyarakat, kita dapat lihat pola ini diulangi berkali-kali dalam semua zaman keagamaan semenjak permulaan masa. Bila kita kehilangan firman Tuhan, kita bercenderung untuk menjadi sesat.

Inilah alasan Tuhan memerintah Lehi untuk menghantarkan anak-anak lelakinya ke Yerusalem untuk mendapatkan kepingan loyang. Tuhan tahu bahawa keturunan Lehi akan perlukan tanda tempat yang boleh diharapkan—titik rujukan—yang akan berikan bimbingan yang dapat mereka gunakan untuk tetap berada pada jalan yang betul.

Kitab-kitab suci ialah firman Tuhan. Mereka adalah tanda tempat Tuhan yang menunjukkan cara yang kita harus ambil untuk menghampiri Juruselamat kita dan mencapai matlamat-matlamat yang layak.

Tanda Tempat Persidangan Umum

Arahan-arahan yang diberikan pada persidangan umum ialah satu lagi tanda tempat yang boleh menolong kita untuk mengetahui sama ada kita berada pada jalan yang betul atau tidak.

Kadang-kala saya tanya diri sendiri, “Adakah saya dengar kata-kata yang diucap oleh para lelaki dan wanita

yang berucap pada persidangan umum Gereja yang terkini? Sudahkah saya baca kata-kata mereka berulang kali? Sudahkah saya merenungkan kata-kata itu dan mengaplikasikan kata-kata itu dalam kehidupan saya? Atau saya hanya menikmati ucapan-ucapan yang bagus itu dan mengabaikan untuk mengaplikasikan pesanan-pesanan yang berilham itu dalam kehidupan peribadi saya?”

Mungkin semasa anda mendengar atau membaca ucapan-ucapan itu, anda catatkan beberapa nota. Mungkin anda buat komitmen untuk melakukan perkara-perkara dengan cara yang lebih baik atau cara yang berbeza. Fikir tentang pesanan-pesanan dari persidangan umum lepas. Banyak ucapan itu menggalakkan kita untuk memperkukuhkan keluarga kita dan memperbaiki perkahwinan kita. Terbitan *Liahona* terkini juga menumpukan perhatian pada nilai-nilai abadi ini, dengan banyak rekomendasi yang praktikal untuk memberkat hidup kita.

Adakah kita beri perhatian dan mengaplikasikan nasihat yang berguna ini? Adakah kita mengenali dan berjalan terhadap tanda-tanda tempat ini yang benar dan yang bernilai?

Antidot bagi Perantauan

Tanda-tanda tempat rohani adalah mustahak untuk memastikan kita berjalan pada lorong yang sempit dan kecil. Tanda-tanda tempat rohani itu berikan arahan yang jelas mengenai jalan yang harus kita ambil—tetapi hanya jika kita mengenali dan berjalan terhadap mereka.

Jika kita enggan dibimbing oleh tanda-tanda tempat ini, mereka menjadi tanpa tujuan, barang-barang hiasan yang tidak bertujuan tetapi untuk menghiburkan hidup yang bosan sahaja.

Adalah tidak cukupnya untuk dibimbing oleh naluri kita sahaja.

Adalah tidak cukup untuk memiliki niat yang paling baik sahaja.

Adalah tidak cukup untuk bergantung pada deria semula jadi kita sahaja.

Mahupun bila kita fikir kita mengikut satu lorong yang lurus, tanpa tanda-tanda tempat yang benar untuk membimbing kita—tanpa bimbingan Roh—kita bercenderung untuk berantau.

Jadi, biarlah kita buka mata kita dan pandang terhadap tanda-tanda tempat yang sudah Tuhan yang murah

hati sediakan untuk anak-anak-Nya. Biarlah kita bacakan, dan mengaplikasikan firman Tuhan. Biarlah kita berdoa dengan niat yang benar dan dengarkan serta mengikut tekanan Roh. Bila kita mengenali tanda-tanda tempat ilahi yang diberikan oleh Bapa Syurgawi kita yang penyayang, kita harus hidup selaras dengan tanda-tanda itu. Kita harus selalunya membetulkan jalan kita dengan mengarahkan diri sendiri terhadap tanda-tanda tempat rohani.

Dengan cara ini, kita tidak akan berjalan dalam bulatan tetapi jalan dengan keyakinan dan kepastian terhadap berkat ilahi yang agung iaitu hak kelahiran semua yang berjalan pada lorong yang sempit dan kecil penganutan Kristus.

NOTA

1. Lihat Jan L. Souman and others, “Walking Straight into Circles,” *Current Biology* jilid 19 (Sep. 29, 2009), 1538.
2. Lihat contoh, Robert Krulwich, “A Mystery: Why Can’t We Walk Straight?” npr.org/blogs/krulwich/2011/06/01/131050832/a-mystery-why-can-t-we-walk-straight.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Bila anda bersedia untuk mengajar dari pesanan ini, anda boleh mencarikan kitab-kitab suci untuk contoh-contoh di mana orang dibimbing oleh tanda-tanda tempat rohani atau orang yang berantau dalam bulatan. Anda boleh mulakan pengajian anda dengan ayat-ayat suci ini: Bilangan 14:26–33; 1 Nefi 16:28–29; Alma 37:38–47. Jika anda berasa tekanan Roh, anda boleh kongsi pandangan-pandangan dari contoh-contoh ini dengan mereka yang anda ajar. Tanya mereka apakah yang dapat kita belajar dari cerita-cerita ini.

REMAJA

Tanda-tanda Tempat bagi Anda

Presiden Uchtdorf menghurai bahawa persidangan umum dan kitab-kitab suci ialah tanda-tanda tempat yang menolong kita untuk mengelakkan perantauan rohani. Renungkan tanda-tanda tempat lain yang sudah mempengaruhi dan membimbing hidup anda. Catatkan pengalaman-pengalaman anda dalam jurnal anda. Petikan-petikan di bawah dari Presiden Thomas S. Monson boleh membantu anda:

“Berkat bapa bangsa anda akan membimbing anda

sepanjang malam yang gelap. Ia akan membimbing anda melalui bahaya hidup. . . . Anda tidak harus lipatkan berkat bapa bangsa anda dan simpankannya sahaja. Ia bukan untuk dibingkai atau diterbit. Tetapi, ia adalah untuk dibaca. Ia adalah untuk dihargai. Ia adalah untuk diikuti.”

“Your Patriarchal Blessing: A Liahona of Light,” *Ensign*, Nov. 1986, 66.

“Bapa Syurgawi kita tidak hantarkan kita pada perjalanan abadi kita tanpa memberikan kita cara kita boleh menerima bimbingan dari Dia untuk memastikan kita kembali dengan selamat. Saya berucap tentang doa. Saya juga berucap tentang bisikan dari suara yang diam dan kecil.”

“The Race of Life,” *Liahona*, Mei 2012, 92.

KANAK-KANAK

Saya Boleh Carikan Jalan Saya

Presiden Uchtdorf kata bahawa kita perlu mengikut tanda-tanda tempat rohani kerana mereka akan menolong kita untuk memilih perkara yang betul dan menjadi lebih dekat dengan Juruselamat. Tanda-tanda tempat ini ialah doa, kitab-kitab suci, persidangan umum, dan *Liahona*.

Bersama dengan keluarga anda, bacakan satu ucapan dari persidangan umum lepas. Apakah yang dicadangkan oleh pengucap itu bagi kita untuk tetap pada jalan yang betul? Tetapkan matlamat bersama keluarga anda untuk mengaplikasikan perkara yang sudah anda belajar.